

Cerita di sebalik pertemuan Pak Lah dan Dr Mahathir

SEHINGGA awal petang Isnin ramai yang menduga pertemuan Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selama dua jam di Seri Perdana petang Ahad akan merintis jalan ke arah meleraikan ketegangan dalam hubungan kedua mereka.

Ini berdasarkan laporan akhbar Isnin mengenai komen ringkas bekas Perdana Menteri itu ketika ditemui beberapa orang wartawan yang bekejar ke rumahnya di The Mines di Seri Kembangan dekat Kuala Lumpur menjelang waktu terbuka puasa.

Seorang menteri kabinet yang secara kebetulan terserempak dengan wartawan *Agendadaily* pada awal petang Isnin sendiri terkejut bila diberitahu bahawa Dr Mahathir baru saja 'kritik sakan' Perdana Menteri dalam sidang akhbar selama sejam bermula jam 10 pagi di rumahnya.

Dr Mahathir telah mengadakan sidang akhbar semula berikutan permintaan ramai para wartawan yang tidak sempat menghadiri sidang akhbar ringkasnya lewat petang Ahad.

Panggilan sidang akhbar itu dibuat menerusi SMS oleh pembantu bekas Perdana Menteri itu lewat malam Ahad.

Sekitar 40 orang wartawan serta jurugambar tempatan dan agensi berita luar negara menghadiri sidang akhbar yang diadakan di rumahnya.

Menteri kabinet yang berbual dengan wartawan *Agendadaily* itu awalnya berkata beliau gembira membaca akhbar pagi Isnin mengenai petanda positif dari pertemuan itu.

"Betul ke begitu?" beliau bertanya dengan nada macam orang tidak percaya bila diberitahu bahawa Dr Mahathir kekal dengan pendirian yang kritikal sama seperti sebelum ini.

Bukan sahaja menteri kabinet itu tetapi *Agendadaily* mendapat tahu kemudiannya bahawa ramai kalangan pimpinan UMNO yang turut terkejut.

Antaranya termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dilaporkan oleh Utusan Malaysia sebagai berkata beliau terkejut dengan kenyataan Dr Mahathir itu kerana pertemuan dalam semangat Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tersebut pada mulanya menjanjikan harapan petang semalam.

Sebaliknya kata beliau kemudian bertukar rentak pagi Isnin selepas Dr. Mahathir mengadakan sidang akhbar yang memaparkan komen-komen negatif terhadap Abdullah dan kerajaan.

Malah, Najib yang juga Timbalan Presiden UMNO terperanjat dengan kenyataan yang dibuat oleh Dr. Mahathir pada sidang akhbar itu.

"Saya rasa terkejut dengan kenyataan Tun Mahathir sebab ia dibuat sehari selepas pertemuan empat mata dengan Perdana Menteri.

"Pertemuan itu perlu dilihat sebagai satu usaha penyelesaian atau sekurang-kurangnya meredakan keadaan yang wujud selama ini," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Norza Zakaria pula dipetik sebagai berkata beliau percaya tindakan Dr. Mahathir itu mengecewakan pelbagai pihak terutama orang Melayu di negara ini.

Orang ramai, katanya, mengharapkan pertemuan dengan Perdana Menteri semalam akan menyelesaikan masalah yang timbul antara mereka.

"Selepas pertemuan itu, sebagai seorang negarawan Dr. Mahathir sepatutnya membantu beliau (Abdullah) untuk menjayakan misi dan agenda kerajaan.

"Setiap orang mempunyai kesedaran. Jangan kita terus mengkritik seseorang itu ketika jalan perdamaian sudah dicari," ujar beliau.

Ketua Penerangan UMNO Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang mengulas

kenyataan Dr Mahathir bahawa beliau akan terus mengkritik pentadbiran sekarang sekiranya mendapati berlaku amalan yang tidak menguntungkan negara, berkata, "beliau bebas memberikan pandangannya, tapi beliau harus memberi peluang kepada Pak Lah untuk mentadbir negara."

"Pak Lah adalah Perdana Menteri sekarang, kita hanya ada seorang Perdana Menteri yang kita sokong," katanya.

Dalam sidang akhbar itu Dr Mahathir antara lain menerangkan mengapa beliau mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri yang bermula dengan usaha Persatuan Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) bertemu dengan anaknya, Mokhzani untuk cuba menyelesaikan masalahnya dengan kerajaan ekoran tindakan beliau membidas Abdullah.

Dr Mahathir berkata beliau memberitahu Perdana Menteri yang beliau akan merakamkan dialog mereka.

"Jadi saya memulakan perakam dan saya memberitahunya yang saya begitu kritikal terhadap kerajaan. Sudah pasti, banyak yang saya telah perkatakan dan dalam tempoh satu setengah jam itu saya telah bercakap mengenai banyak perkara. Selepas itu beliau memberi penjelasan, dan juga mencelah beberapa kali," katanya.

Langkah beliau merakam pertemuan itu dipercayai ada kaitan dengan permintaan asalnya agar ada 'orang ketiga' menjadi saksi pertemuan berkenaan agar tidak timbul 'cerita lain' selepas itu.

Menurut bekas Perdana Menteri itu Mubarak pada mulanya mengutarakan beberapa cadangan untuk menyelesaikan pertikaian dengan Abdullah, termasuk beliau bertemu dengan Majlis Tertinggi UMNO dan jika itu tidak boleh dilakukan, beliau bertemu dengan anggota-anggota Kabinet Melayu.

"Jika itupun tidak boleh, maka saya terus bertemu dengan Pak Lah. Saya tidak tahu mengapa tetapi Pak Lah bersetuju untuk bertemu dengan saya," kata beliau.

Tetapi oleh kerana ia inisiatif Mubarak, beliau mahu bertemu dengan Mubarak terlebih dahulu untuk mengetahui apa yang mereka mahu beliau buat.

Dr Mahathir berkata beliau telah bertemu dengan lima anggota Mubarak yang meminta beliau bertemu dengan Abdullah yang sudahpun bersetuju untuk pertemuan itu.

"Saya berkata jika saya bersemuka dengan Pak Lah, saya mahu memberitahu beliau mengapa saya membidasnya. Saya juga memberitahu Mubarak akan perasaan saya terhadap banyak perkara. Dan selepas anggota Mubarak mendengar rintihan saya, mereka berpendapat saya harus meluakannya terus kepada Pak Lah," kata beliau.

Sepanjang sidang akhbar itu Dr Mahathir menjawab sebilangan soalan wartawan dengan nada tetap kritikal terhadap Abdullah seperti dulu juga.

Katanya beliau tidak memberi sebarang kata dua kepada Abdullah dalam pertemuan itu tetapi hanya meluahkan apa yang dirasainya tidak betul.

Katanya beliau tidak begitu puashati dengan jawapan-jawapan yang diberikan oleh Perdana Menteri pada isu-isu yang dibangkitkannya semasa pertemuan itu.

Dr Mahathir juga mendakwa kedudukan ekonomi tidak memberangsangkan, rakyat mendapati sukar untuk mendapatkan pekerjaan, kadar pengangguran dan jenayah masih tinggi.

"Tiada langkah diambil untuk memulihkan ekonomi selain daripada angka-angka mengagumkan yang kita sering baca.

"Tetapi sebenarnya, perniagaan

runcit lembap, susah mahu mendapatkan kontrak dan banyak kontraktor kecil telah gulung tikar. Ekonomi negara kini lembap. Saya tahu banyak peniaga Cina tidak puas hati. Saya telah memaklumkan kepada Pak Lah bahawa beberapa daripada mereka telah berkata mereka tidak akan mengundi bagi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau telah dimaklumkan bahawa mereka lebih suka ke China untuk menjalankan perniagaan kerana terdapat lebih banyak peluang di situ berbanding di Malaysia dan lagi pun mereka mendapati sukar untuk menjalankan perniagaan di Malaysia.

Ditanya sama ada Dr Mahathir berpendapat beliau telah mencapai matlamatnya dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, katanya: "Saya telah mencapai matlamat dalam menyampaikan banyak butiran maklumat. Saya mendapat peluang untuk menyampaikan kepadanya. Saya berpegang kepada kata-kata saya."

Mengenai langkah susulan yang akan diambil oleh beliau selepas pertemuan semalam katanya: "Saya telah memberitahu anda yang saya akan terus mengkritik dan akan meneruskan dengan cara saya."

Dr Mahathir juga berkata perbalahan beliau dengan Perdana Menteri tidak membuka peluang kepada pembangkang untuk memenangi pilihan raya.

"Mengikut penilaian saya, adalah tidak mungkin bagi pembangkang untuk menang tetapi mereka mungkin mengurangkan majoriti kerajaan.

Mengenai kesannya kepada UMNO, katanya: "Ia bukan masalah dalam UMNO ataupun perpaduan dalam UMNO. UMNO tidak boleh menang pilihan raya tanpa sokongan rakyat dan hari ini rakyat kritikal

Buletin Rakyat
- 18/11/2006

terhadap ekonomi, sistem pentadbiran, pembabitan anggota keluarga. Ini membimbangkan rakyat. Jika orang ramai tidak memberi sokongan, walaupun 100 peratus daripada anggota UMNO menyokong calon-calon kita, mereka akan musnahkan anda.

"Terdapat beberapa lagi perkara yang beliau bangkitkan. Selepas bercakap selama dua jam, saya putuskan mesyuarat telah berakhir. Saya bangun, mengambil perakam saya dan mengucapkan selamat tinggal," katanya mengenai pertemuan itu.

Menurut Dr Mahathir beliau akan terus mengkritik sehingga beliau melihat ada perubahan dan hasratnya tercapai.

Ditanya sama ada beliau merasa wajar tidak Abdullah kekal sebagai Perdana Menteri untuk penggal kedua nanti beliau berkata, "saya pergi (bertemu) hanya untuk memberitahu apa yang saya tidak gembira. Saya bukan hendak memberi cadangan apa yang beliau harus buat. Terpulang padanya untuk memutuskan apa yang perlu dibuat." ■